

02 MAY 1999

Abdullah-Tuntutan

ANGGOTA UMNO PERLU PENUHI TUNTUTAN PEMIMPIN PARTI

TAPAH, 2 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta setiap anggota Umno supaya memelihara keutuhan parti untuk memenuhi matlamat perjuangan yang ditetapkan pemimpinnya sebelum kemerdekaan iaitu menubuhkan sebuah negara yang berdaulat, bahagia, selamat dan makmur.

"Janganlah sampai mereka (bekas pemimpin) kecewa atau hilang harapan bahawa Umno yang mereka tinggalkan sudah tidak kuat seperti Umno lama yang berjuang menentang penjajah British hingga mencapai kemerdekaan," katanya.

"Kita mesti berusaha memberi erti kepada apa itu kemerdekaan...bukan sahaja kebebasan daripada pemerintahan kuasa asing, (tetapi) juga bebas daripada kuasa-kuasa lain yang ingin menjejaskan ekonomi atau mahu menguasai kita dengan cara lain," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Tapah, di sini hari ini.

"Apalah erti kemerdekaan kalau kita dipengaruhi orang luar yang ada agenda mereka tersendiri. Makna kemerdekaan yang paling penting ialah kita benar-benar menjadi tuan dalam negara kita sendiri dan berjaya dalam serba serbi bidang," katanya.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno, berkata beliau yakin Umno akan berjaya menerusi kekuatan dan kemampuan yang ada padanya untuk mempertingkatkan kemajuan negara dan kewibawaan bangsa Melayu.

"Kita mesti menjadi bangsa yang mampu bersaing dengan yang terkuat di dunia dan bukan pilih yang lembab untuk menunjukkan kehandalan kita," katanya.

Abdullah berkata Umno masih dan akan terus berpegang kepada pendekatan bermuafakat dengan parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional untuk mencapai matlamat perjuangan parti.

Umno telah menunjukkan penghargaannya kepada parti-parti lain yang mewakili kaum lain dalam memperjuangkan bersama aspirasi rakyat menuju kejayaan, katanya.

"Sebelum 1969, kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi ialah kurang daripada dua peratus tetapi setelah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, penglibatan mereka meningkat dalam semua bidang," katanya.

Beliau juga berkata apa yang diamalkan oleh Umno diterima oleh rakan-rakannya dalam BN.

Katanya, Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil tindakan berani tidak tunduk kepada tekanan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan mengambil langkah-langkah memperbaiki kegawatan ekonomi yang dilanda krisis sejak 1997.

Menurutnya, walaupun pada mulanya Malaysia dicemuh berikutan langkah-langkah yang diambil, namun ekonomi negara kini menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

-- BERNAMA

MR AKD